

RETORIK AL-MUJADALAH NABI IBRAHIM A.S. DI DALAM AL-QURAN[◊]

(Rhetoric Nabi Ibrahim Al-Mujadalah U.S. In The Quran)

Nor Raudah Hj Siren¹ Badlihisham Mohd Nasir² Rohaily Abd Rahman³
Ashraf M. Zedan⁴

ABSTRACT

Al-Mujadalah according to the Quran and as-Sunnah are jadal, which uses the argument of reason and self-contained and is to be accepted by the human heart. Al-Mujadalah goal is to convince the target state and preaching of the truth of Islam. This da'wah methods also is a guide to give way to the non-muslim and those who deviated from the runway to think about righteousness. Therefore this paper aims to track al-Mujadalah methods used by the Prophet of Ibrahim a.s. when arguing with his people in the Quran. Method study conducted using content analysis of several chapters related to the story of the prophet of Ibrahim a.s. in the Quran. There are two aspects of al-Mujadalah to be highlighted that rational argumentative (logical) and emotive argumentative. Rational argumentative also called the appeal made by the author in the intellectual and tried to prove by logic (aqli) and evidence (naqli). Soliciting through irrational or emotive argumentative also appeal to the feelings and emotions of the audience. However, the study found, the prophet of Ibrahim a.s. only use rational argumentative methods. The prophet of Ibrahim a.s. in certain verses in the Quran uses the effective al-mujadalah methods which may cast doubt on idolatry and confidence in the existence of Allah, the Lord of universe.

Keyword: *methods of da'wah, al-Mujadalah methods, the Prophet of Ibrahim, logic argumentative, emotive argumentative, persuasion.*

[◊] This article was submitted on: 04/02/2016 and accepted for publication on: 13/05/2016.

¹ Lecturer at Department of Da'wah and Human Development, Academy of Islamic Studies University of Malaya : raudah68@um.edu.my

² Profesor at Fakulti Ketamadunan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia : badlihisham@utm.my

³ Postgraduate at Department of Da'wah and Human Development, Academy of Islamic Studies University of Malaya : haily5477@gmail.com

⁴ Lecturer at Department of Da'wah and Human Development, Academy of Islamic Studies University of Malaya : dr.ashraf@um.edu.my

ABSTRAK

Al-Mujadalah menurut al-Quran dan as-Sunnah ialah jadal, iaitu menggunakan alasan dan dalil yang serba lengkap dan benar hingga dapat diterima oleh hati manusia. Matlamat al-mujadalah ialah untuk menyatakan serta meyakinkan sasaran dakwah tentang kebenaran Islam. Uslub ini juga merupakan panduan untuk memberikan jalan kepada orang kafir dan orang yang menyimpang dari landasan untuk berfikir tentang kebenarannya. Lantaran itu kertas ini bertujuan untuk mengesan kaedah al-mujadalah yang digunakan oleh Nabi Ibrahim a.s. ketika berhujah dengan kaumnya dalam al-Quran. Metode kajian yang dilakukan menggunakan metode analisis kandungan terhadap beberapa surah yang berkaitan dengan kisah Nabi Ibrahim a.s. di dalam al-Quran. Terdapat dua aspek al-mujadalah yang akan diketengahkan iaitu pendalilan secara rasional (logik) dan pendalilan secara emotif. Pendalilan rasional juga disebut penghujahan atau argumentative iaitu rayuan yang dilakukan oleh penulis secara intelek dan berusaha membuat pembuktian dengan menggunakan logik (dalil aqli) dan bukti-bukti (dalil naqli). Pembujukan melalui pendalilan emotif atau tidak rasional pula merayu pada perasaan dan emosi khalayak. Namun kajian mendapati, Nabi Ibrahim a.s. hanya menggunakan pendalilan rasional sahaja dalam mujadalahnya. Nabi Ibrahim a.s. dalam surah-surah tertentu dalam al-Quran menggunakan kaedah-kaedah al-mujadalah dengan berkesan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap penyembahan berhala dan keyakinan terhadap kewujudan Allah, Tuhan semesta alam.

Kata Kunci: *Uslub dakwah, Metode al-Mujadalah, Nabi Ibrahim, Pendalilan logik, pendalilan emotif, pembujukan.*

1. PENGENALAN

Al-Mujadalah berasal daripada perkataan Arab *jadala*, *yujadilu*, *jidalan*, *mujadalatan* yang memberi pengertian ikatan yang kuat, satu bahagian tulang yang kuat, mengalah dan suatu pertembungan hujah dengan hujah yang lain¹. Retorik *al-mujadalah* memberi maksud perdebatan yang baik yang dijelaskan oleh Ibn Kathir (1996)² sebagai berdiskusi dan berhujah sebagai jalan mencari kebenaran. *Al-Mujadalah* menurut al-Quran dan as-Sunnah ialah *jadal*, iaitu menggunakan alasan dan dalil yang serba lengkap dan benar hingga dapat diterima oleh hati manusia. Retorik al-Mujadalah ini juga merupakan panduan

¹ Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamaluddin (1968) *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadr, hal. 104

² Ibn Kathir, Abu al-Fida Ismail Ibn Kathir (1996) *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaherah: Dar al-Sya'ab, hal. 439

untuk memberikan jalan kepada orang kafir dan orang yang menyimpang dari landasan untuk berfikir tentang kebenarannya.

Abd Karim Zaydan (1982) menghuraikan bahawa *al-mujadalah* berasal dari perkataan *al-jadal* ini juga bermaksud diskusi atau dialog yang melibatkan pertukaran pendapat antara dua orang atau lebih iaitu setiap pihak akan mengemukakan pendapatnya terhadap apa yang dibicarakan. Aktiviti ini mampu merangsang seseorang untuk menganalisis, mengkritik, menyampaikan hujah, berfikiran induktif dan deduktif dan membuat justifikasi terhadap isu yang dibahaskan. Ia juga merupakan teknik terbaik dalam perjalanan dakwah kerana terkandung keluasan ilmu Islam untuk dijelaskan dan sebagai menguji kebenaran Islam. Kebolehan *bermujadalah* berlandaskan ilmu yang *haq* (kebenaran) memerlukan pengalaman yang mantap ketika berhadapan dengan sasarannya¹.

Secara umumnya, perdebatan atau *al-mujadalah* merupakan uslub yang digunakan dalam dakwah apabila berhadapan dengan orang yang suka membangkang dan keras hati serta memerlukan dalil-dalil untuk membuktikan kebenaran. Ia memerlukan teknik berdakwah yang memerlukan keluasan ilmu².

2. NABI IBRAHIM A.S. DALAM AL-QURAN

Nabi Ibrahim a.s. adalah putera Azar (Tarih) bin Tahur bin Saruj bin Rau' bin Falij bin Aabir bin Syalih bin Arfakhsyad bin Saam bin Nuh A.S. Baginda dilahirkan di sebuah tempat bernama "Faddam A'ram" dalam kerajaan "Babylon" yang pada waktu itu diperintah oleh seorang raja bernama "Namrud bin Kan'aaan." Kerajaan Babylon pada masa itu merupakan kerajaan yang makmur, sejahtera dalam keadaan serba cukup. Tetapi mereka tidak mengenal Tuhan Pencipta mereka yang telah memberi segala kenikmatan dan kebahagiaan duniawi. Sembahan mereka adalah patung-patung yang mereka pahat sendiri dari batu-batu atau diperbuat dari lumpur dan tanah. Nabi Ibrahim a.s. hendak

¹ Abd Karim Zaydan (1982) *Usul al-Da'wah*. Baghdad: Dar Umar al-Khattab, hal, 743

² Ab Aziz Mohd Zin (2001) *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal.

memerangi syirik dan persembahan berhala yang berlaku dalam masyarakat kaumnya. Baginda juga berhadapan dengan ayahandanya sendiri, Aazar, yang bertuhan dan menyembah berhala bahkan dia adalah pedagang patung-patung yang dibuat dan dipahatnya sendiri untuk dijual dan dijadikan persembahan. Lantaran itu, Nabi Ibrahim a.s. dengan kebijaksanaannya telah menggunakan retorik al-mujadalah untuk berhadapan dengan kaum dan juga ayahandanya sendiri.

Jika diteliti dalam al-Quran, didapati bilangan surah yang disebut nama Nabi Ibrahim a.s. ialah 25 Surah manakala jumlah ayat yang menyebut nama Nabi Ibrahim a.s. ialah sebanyak 69 ayat. Surah-surah yang menceritakan tentang Nabi Ibrahim a.s. tersebut setiap pengkisahannya dibawa dalam bentuk-bentuk yang berlainan.

Namun hanya beberapa surah yang mengandungi perdebatan Nabi Ibrahim a.s. Berikut adalah pembentangan kisah-kisah mujadalah dan perdebatan Nabi Ibrahim a.s di dalam Al-Quran mengikut kronologi penceritaan kisah hidup baginda sejak mula berfikir tentang tuhan sehingga usaha dakwah yang dilakukannya terhadap kaumnya dan pembesar di zamannya. Pertama ialah dalam **Surah al-An'am ayat 74 – 79** yang mengandungi kisah dialog Nabi Ibrahim a.s. dengan dirinya sendiri semasa ingin mencari dan mengenali Tuhan yang sebenar. Surah ini memperlihatkan keyakinan tauhid Nabi Ibrahim a.s. melalui penelahan ke atas alam yang cukup panjang. Karakter alamiah yang dimiliki oleh bintang, bulan dan matahari yang disaksikannya telah menemukannya dengan Tuhan yang sebenar¹. Kemudian baginda berdebat dengan ayahnya yang memahat berhala untuk dijadikan sembahannya dalam **Surah Maryam ayat 42 – 48**. Surah ini memperlihatkan permintaan Nabi Ibrahim a.s. kepada ayahandanya agar memberi alasan atas penyembahannya dan kaumnya terhadap berhala yang tidak mampu mendengar, melihat dan mendatangkan sebarang manfaat².

¹ Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), Jakarta: Loutan Lestari dan New Delhi: Islamic Book service, hal.137

² Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), op.cit, hal. 308

Kemudian dalam **Surah al-An'am ayat 80- 86** berlaku perdebatan antara Nabi Ibrahim a.s. yang mempertikaikan sembah kaumnya yang menyembah bintang, bulan dan matahari. Surah ini juga membentangkan episod dakwah Nabi Ibrahim a.s. kepada ayahnya dan juga kepada kaumnya. Disebut di dalam ayat-ayat ini kebijaksanaan Nabi Ibrahim a.s. yang menggunakan hujah-hujah yang teguh dengan mendatangkan bukti-bukti berbentuk aqliah tentang kebatilan ibadat kaumnya. Dengan hujah-hujah ini, maka jelaslah bahawa sembah kaumnya selama ini adalah salah sama sekali¹.

Surah yang lain ialah **Surah as-Shaffat ayat 91-92** ialah dialog antara Nabi Ibrahim a.s. dengan berhala itu sendiri sebagai cara menyindir kaumnya yang menyembah patung yang tidak mampu berbuat apa-apa. Nabi Ibrahim a.s. telah meletakkan berbagai jenis makanan di hadapan berhala tetapi berhala itu tidak memakannya bahkan tidak mampu menjawab pertanyaan Nabi Ibrahim a.s. kenapa tidak memakannya².

Kemudian **Surah Al-Anbiya' ayat 51-73** pula berkaitan dengan penolakan Nabi Ibrahim a.s. terhadap ketuhanan berhala-berhala yang menjadi sembah bapa dan kaumnya. Seterusnya ayat-ayat ini menceritakan satu episod penting dalam kisah Nabi Ibrahim a.s. iaitu peristiwa baginda mengatur rancangan menghancurkan berhala-berhala kecuali berhala yang terbesar. Ia seterusnya diikuti dengan perbicaraan terhadap Nabi Ibrahim a.s. yang menyaksikan kemenangan berpihak kepada baginda yang menggunakan hujah-hujah yang kukuh bagi menolak ketuhanan berhala-berhala yang menjadi sembah kaumnya. Walaupun demikian, Nabi Ibrahim a.s. tetap dihukum dengan dicampakkan ke dalam api tetapi diselamatkan oleh Allah SWT³.

¹ Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), op.cit, hal. 138

² Tafsir Ringkas Ahsanul Bayan dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), op.cit, hal.449

³ Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), op.cit, hal. 326

Surah Al-Baqarah ayat 258 pula membicarakan tentang perdebatan Nabi Ibrahim a.s. dengan seorang pemerintah di zamannya yang mendakwa

mempunyai kuasa ketuhanan, Raja Namrud. Tentangan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s. menyebabkan Namrud mati kutu, padahal dia mengaku dirinya sebagai Tuhan¹.

3. SASARAN DAKWAH NABI IBRAHIM

Nabi Ibrahim a.s. semasa kecilnya sering merenung langit dan melihat kejadian alam semesta. Beliau berdebat dengan dirinya sendiri ketika melihat bulan dan bintang di waktu malam, melihat matahari di waktu siang. Tetapi semua makhluk itu tenggelam dan timbul mengikut hukum alam dan Nabi Ibrahim a.s. tidak menyukai tuhan yang tenggelam dan timbul yang pastinya tidak mampu membimbing hamba-Nya ketika diperlukan. Allah berfirman dalam Surah al-An'am ayat 76,

{ فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيْلُ رَأَى كَوْكَبًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ الْأَفْلِينَ }

Maksudnya, *maka ketika ia berada pada waktu malam yang gelap, ia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu ia berkata: "Inikah Tuhanku?" Kemudian apabila bintang itu terbenam, ia berkata pula: "Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang".* Surah al-An'am, ayat 77,

{ فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِعًا قَالَ هَذَا رَبِّي }

Maksudnya, *kemudian apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), dia berkata: "Inikah Tuhanku?" Maka setelah bulan itu terbenam, berkatalah dia: "Demi sesungguhnya, jika aku tidak diberikan petunjuk oleh Tuhanku, nescaya menjadilah aku dari kaum yang sesat".* Surah al-An'am ayat 78,

{ فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسَ بَازِعَةً قَالَ هَذَا رَبِّي هَذَا أَكْبَرُ }

Maksudnya, *kemudian apabila dia melihat matahari sedang terbit (menyinarkan cahayanya), berkatalah dia: "Inikah Tuhanku? Ini lebih*

¹ Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), op.cit, hal.43

besar". Setelah matahari terbenam, dia berkata pula: ` Wahai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan (Allah dengannya).

Ketiga-tiga ayat tersebut menjelaskan bagaimana Nabi Ibrahim a.s. mendapatkan jawapan terhadap sembahannya dan jawapan tersebut diceritakan kepada kaumnya agar mereka bersama-sama mengambil iktibar dan memahami konsep ketuhanan yang sebenar yang pastinya tidak memiliki kelemahan dan mampu melindungi kehidupan manusia ketika diperlukan. Malah dalam **Surah al-Baqarah ayat 260**, Nabi Ibrahim a.s. mula berdialog dengan Tuhan untuk diberi petunjuk untuk menguatkan imannya,

{ وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ أَرِنِي كَيْفَ تُحْيِي الْمَوْتَىٰ قَالَ أَرَأَيْتَ إِذَا مَاتَ آدَمُ قَالَ بَلَىٰ وَلَكِنَّ لِيَظْمَرًا عَلَىٰ آلِيهِ }

Maksudnya, *Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim a.s. (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan makhluk-makhluk yang mati?" Allah berfirman: "Adakah engkau belum percaya (kepada kekuasaanmu)?" Nabi Ibrahim a.s. menjawab: "Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram hatiku (yang amat ingin menyaksikannya)". Allah berfirman: "(Jika demikian), ambil empat ekor burung, kemudian kumpulkanlah olehmu (dan cincanglah semuanya). Setelah itu letakkanlah di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian daripadanya. Kemudian serulah burung-burung itu nescaya semuanya akan datang kepadamu dengan segera". Dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Dialog Nabi Ibrahim a.s. dengan Tuhan bukan bermakna Nabi Ibrahim a.s. tidak meyakini ketauhidan Allah bahkan ingin mengukuhkan keyakinannya. Baginda berkeinginan mengetahui agar pengetahuannya bertambah dari sekadar mengetahui menjadi saksi secara nyata (dari ilmu yaqin menjadi ainul yakin), agar keyakinannya semakin mantap¹.

a. Dakwah kepada bapa atau ahli keluarga

Cabaran paling berat yang perlu dilalui oleh Nabi Ibrahim a.s. ialah apabila berhadapan dengan bapanya. Bapa Nabi Ibrahim a.s. bernama Aazar atau disebut

¹ Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), op.cit, hal.44

Tarakh¹, dan merupakan pedagang patung-patung yang dibuat dan dipahatnya sendiri dan orang awam membeli patung-patung tersebut untuk dijadikan sembah. Sebagai ahli keluarganya, Nabi Ibrahim a.s. merasa bahwa kewajiban pertama yang harus ia lakukan sebelum berdakwah kepada orang lain ialah menyedarkan ayahnya sebagai orang yang terdekat, bahawa kepercayaan dan sembah terhadap patung-patung tersebut adalah perbuatan yang sesat dan bodoh.

Dengan sikap yang sopan dan adab yang patut ditunjukkan oleh seorang anak terhadap orang tuanya dengan kata-kata halus datang kepada ayahnya menyampaikan bahawa dia diutus oleh Allah sebagai nabi dan rasul. Dia bertanya kepada ayahnya dengan lemah lembut apakah yang mendorongnya untuk menyembah berhala seperti kaumnya yang lain padahal ia mengetahui bahwa berhala-berhala itu tidak berguna dan tidak mendatangkan keuntungan kepada penyembahnya atau boleh mencegah kerugian atau musibah. Nabi Ibrahim a.s. juga menerangkan bahawa penyembahan kepada berhala-berhala itu adalah semata-mata ajaran syaitan yang memang menjadi musuh kepada manusia sejak Nabi Adam a.s. diturunkan ke bumi. Baginda berseru kepada ayahnya agar merenungkan dan memikirkan nasihat dan ajakannya agar berpaling dari berhala-berhala dan kembali menyembah kepada Allah yang menciptakan manusia dan semua makhluk yang dihidupkan serta menguasai bumi dengan segala isinya. Nabi Ibrahim a.s. berkata kepada ayahnya sebagaimana Allah berfirman dalam Surah al-An'am ayat 74,

Maksudnya, *"Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim a.s. berkata kepada bapanya, Aazar: "Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata."*

Kemudian, Nabi Ibrahim a.s. menjelaskan lagi sebagaimana dalam Surah Maryam ayat 42-45,

¹ Ada sesetengah pendapat mengatakan Aazar ialah Pak Cik Nabi Ibrahim, bukan ayahnya. *Rujuk Tafsiir Syeikh Mutawwalli Sya'rawi* jilid 6, Kaheerah: Dar al-Tawfiqiyah li al-Turath, 2009. Hal. 503-505.

Bermaksud, "Ketika ia berkata kepada bapanya:" Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?" Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu ikutlah daku; aku akan memimpinmu ke jalan yang betul. " Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatNya. " Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahman disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi Syaitan di dalam neraka".

Ayat tersebut menjelaskan cara Nabi Ibrahim a.s. yang lemah lembut berdakwah dengan bapanya walaupun dibalas dengan kemarahan dan ugutan dari bapanya, namun dengan lembut, Nabi Ibrahim a.s. masih mendoakan ayahnya sebagaimana dalam Surah Maryam ayat 47- 48 walaupun ayahnya masih engkar,

{ قَالَ سَلَامٌ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ بِي حَفِيًّا وَأَعْتَزِلُكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ
وَأَدْعُو رَبِّي عَسَىٰ أَلَّا أَكُونَ بِدُعَاءِ رَبِّي شَقِيًّا }

Bermaksud, Nabi Ibrahim a.s. berkata: " Selamat tinggalah ayah; aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu; sesungguhnya Ia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsan-Nya kepadaku. Dan aku akan membawa diri meninggalkan kamu semua serta apa yang kamu sembah yang lain dari Allah; dan aku akan beribadat kepada Tuhanku dengan ikhlas; mudah-mudahan aku dengan ibadatku kepada Tuhanku itu tidak menjadi hampa (dan derhaka seperti kamu)".

Nabi Ibrahim a.s. meninggalkan ayahnya dan kaumnya dengan keadaan sabar dan tidak kasar dengan ayahnya. Inilah pendekatan dakwah yang digunakan oleh Nabi Ibrahim a.s. kepada ayahnya atau ahli keluarganya. Hal ini memperlihatkan sikap Nabi Ibrahim a.s. sebagai seorang pencinta kebenaran dan mencurahkan seluruh tenaganya untuk menyampaikan kebenaran kepada orang tuanya dan kaumnya. Sikapnya juga menjaga kehormatan ayahnya dan sopan

santunnya mengajak ayahnya kepada tauhid penuh dengan kasih sayang walaupun ayahnya tetap menjawab dengan keras dan penuh ancaman¹.

b. Dakwah kepada masyarakat awam

Kaum Nabi Ibrahim a.s. di Mesopotamia iaitu negara Iraq masa kini dan beragama *politeisme* iaitu menyembah lebih dari satu Tuhan. Dewa Bulan atau *Sin* merupakan salah satu berhala yang paling penting. Bintang, bulan dan matahari menjadi objek utama penyembahan dan kerananya astronomi merupakan bidang yang sangat penting pada masa itu².

Oleh kerana alam semesta adalah bahan sembahkan kaumnya, Nabi Ibrahim a.s. memfokuskan kepada pembuktian kejadian alam ciptaan Allah tersebut. Fakta yang digunakan oleh Nabi Ibrahim a.s. ialah dengan melihat kejadian alam sebagai bukti penciptaan Allah S.W.T. Alam merupakan antara tanda kekuasaan Allah S.W.T.

Nabi Ibrahim a.s. memperlihatkan kelemahan-kelemahan alam yang menjadi sembahkan kaumnya dan menjelaskan kelemahan tersebut kepada kaumnya sebagaimana disebut dalam Surah al-Anaam ayat 76 – 78 di atas. Ayat-ayat tersebut menjelaskan tentang keyakinan tauhid Nabi Ibrahim a.s. melalui peneluhannya ke atas alam yang cukup panjang. Sifat-sifat bintang, matahari dan bulan yang disaksikan oleh Ibrahim a.s. memperlihatkan kehebatan Tuhan sebenar dan alam ini tidak sesuai untuk disekutukan dengan Allah yang menciptakan. Namun pandangan, hujahan dan pendapat Nabi Ibrahim a.s. mendapat penentangan dari kaumnya³.

Selain itu, Nabi Ibrahim a.s. juga membuktikan hujahannya melalui perbuatan agar kaumnya berfikir. Nabi Ibrahim a.s. telah memusnahkan semua berhala yang ada di kota semasa mereka sedang menghadiri pesta. Bila kembali dari pesta mereka mendapati berhala-berhala mereka telah musnah lalu bertanya

¹Intisari Tafsir Ibnu Kasir dan Tafsir Ringkas Ahsanul Bayan dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece*, Classic Edition (2010), op.cit, hal. 308

² *Kamus Wikipedia*, http://ms.wikipedia.org/wiki/Nabi_Ibrahim_a.s. dan <http://ms.wikipedia.org/wiki/Mesopotamia> bertarikh 12 Februari 2015

³ Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece*, Classic Edition (2010), op.cit, hal 138.

kepada Nabi Ibrahim, sebagaimana Allah berfirman dalam surah al-Anbiya ayat 62- 67,

{قَالُوا أَأَنْتَ فَعَلْتَ هَذَا يَا إِبْرَاهِيمُ قَالَ بَلْ فَعَلَهُ كَبِيرُهُمْ هَذَا فَاسْأَلُوهُمْ إِنْ كَانُوا يَنْطِقُونَ فَرَجَعُوا إِلَىٰ أَنفُسِهِمْ فَقَالُوا إِنَّكُمْ أَنْتُمُ الظَّالِمُونَ } الآيات .

Maksudnya, (Setelah ia dibawa ke situ) mereka bertanya: "Engkaukah yang melakukan demikian kepada tuhan-tuhan kami, hai Ibrahim?"

Ia menjawab: "(Tidak) bahkan yang melakukannya ialah (berhala) yang besar di antara mereka ini! Maka bertanyalah kamu kepada mereka kalau-kalau mereka dapat berkata-kata".

Maka mereka (penyembah berhala) kembali kepada diri mereka (memikirkan hal itu) lalu berkata (sesama sendiri): "Sesungguhnya kamulah sendiri orang yang zalim"

Kemudian mereka terbalik fikirannya kepada kesesatan, lalu berkata: "Sesungguhnya engkau (hai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata (maka betapa engkau menyuruh kami bertanya kepadanya)?"

Nabi Ibrahim berkata: "Jika demikian, patutkah kamu menyembah yang lain dari Allah sesuatu yang tidak dapat mendatangkan faedah sedikitpun kepada kamu, dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kamu?"

Jijik perasaanku terhadap kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah! Maka mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal fikiran kamu?"

Ayat tersebut menjelaskan cara Nabi Ibrahim a.s. berdakwah kepada kaumnya dengan membuat pertanyaan demi pertanyaan yang dijawab sendiri oleh kaumnya sehinggalah mereka tidak dapat menjawab soalan nabi Ibrahim a.s. kerana mengakui hujahan Nabi Ibrahim. Lalu Nabi Ibrahim a.s. mencela kebodohan mereka kerana menyembah sesuatu yang tidak dapat berbuat apa-apa¹.

c. Dakwah kepada raja atau pemerintah yang zalim

Raja Namrud merupakan seorang raja atau pemerintah yang zalim. Baginda mengaku dirinya adalah Tuhan. Beliau hidup sekitar tahun 2275 SM- 1943 SM juga disebut Namrudz bin Kan'aan (Arab نمروذ بن كنعان, Inggeris Nimrod, Ibrani: נִמְרוֹד, Piawai: *Nimrod* dan Tiberias: נִמְרֹד; Nimrōd). Seorang raja yang

¹ Intisari Tafsir Ibnu Kasir dan Tafsir Ringkas Ahsanul Bayan dalam *Al-Quran 55 In 1*, *Masterpiece*, Classic Edition (2010), op.cit, hal. 327

memerintah Mesopotamia purba (kini dikenali negara Iraq). Memiliki gelaran "a mighty hunter" yang bermaksud "pemburu yang hebat" atau "pemburu yang perkasa", kerana kebijakannya dalam berburu. Nama lengkapnya adalah Namrudz bin Kan'aaan bin Kush bin Ham bin Nuh (Nabi Nuh a.s.) atau juga sesetengah pendapat (Raja Namrud bin Kush bin Ham bin Nuh). Selain itu beliau diberi gelaran Dewa Bacchus atau Dewa Wain serta Dewa Matahari. Namrud sendiri merupakan kata jamak yang mempunyai pengertian "Mari memberontak". Namanya tercatat dalam Taurat, Injil dan kisah-kisah Islam. Beliau merupakan seorang raja yang cerdas, namun kecerdasannya itu membuatnya bersikap sombong dan takkabur sehinggakan ia mengaku sebagai Tuhan. Menurut Kitab Bible kerajaannya termasuklah Babel, Erech, Accad, dan Calneh, di tanah Shinar, yang juga dikenali sebagai tanah Namrud¹.

Beliau merupakan raja di zaman Nabi Ibrahim. Keangkuhannya jelas terpapar ketika bermujadalah dengan Nabi Ibrahim a.s. dalam Surah al-Baqarah ayat 258 apabila Nabi Ibrahim a.s. menjelaskan bahawa Tuhannya mampu menghidupkan dan mematikan manusia,

{أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِي حَاجَّ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ أَنْ آتَاهُ اللَّهُ الْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّيَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا أُحْيِي وَأُمِيتُ { الْآيَةَ.

Maksudnya, ketika Ibrahim a.s. berkata, "Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan mematikan," Dia berkata, "Akupun dapat menghidupkan dan mematikan."

Qatadah, Muhammad bin Ishaq dan As-Suddi berkata menjelaskan bahawa raja Namrud cuba membuktikan yang beliau mampu mematikan dan menghidupkan dengan memanggil dua orang yang salah seorang darinya akan dibunuh manakala orang kedua akan diampunkan dan dibiarkan hidup. Inilah kaedah beliau menghidupkan dan mematikan. Namun menurut Qatadah penjelasan tersebut tidak memberikan jawapan kepada apa yang Ibrahim a.s. perkatakan².

¹ Kamus Wikipedia, http://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Namrud bertarikh 12 Februari 2015

² Tafsir al-Quran Ibnu Kathir, dalam http://www.qtafsir.com/index.php?option=com_content&task=view&id=136 bertarikh 12 Februari 2015

Nabi Ibrahim a.s. terus mencabar intelek Raja Namrud berdasarkan ayat yang seterusnya,

Bermaksud, . Ibrahim berkata lagi, “Allah menerbitkan matahari dari timur maka terbitkanlah ia dari barat.” Maka bingunglah orang yang kafir itu. Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang zalim.

Cabaran Nabi Ibrahim a.s. ialah meminta Raja Namrud menunjukkan kehebatannya sebagaimana kehebatan Allah yang menghidupkan dan mematikan serta mengawal kewujudan dan menciptakan apa yang ada di dalam alam ini termasuk mengawal planet dan pergerakannya. Sebagai contoh, matahari terbit setiap hari dari timur dan jika benarlah Namrud itu Tuhan, maka Nabi Ibrahim a.s. mencabarnya agar membawa matahari dari barat. Raja menyedari kelemahan dan kekurangannya serta tidak dapat membalas permintaan Ibrahim, terdiam dan terpaku¹.

4. RETORIK AL-MUJADALAH NABI IBRAHIM A.S.

Mujadalah Nabi Ibrahim a.s. dalam al-Quran di analisis dari lima surah iaitu Surah al-Baqarah ayat 258, Surah al-Ana’am ayat 74-86 dan Surah al-Anbiya’ ayat 51- 73, Surah as-Shaffat ayat 91-92 dan Surah Maryam ayat 42- 48. *al-Mujadalah* dalam ilmu retorik ini boleh dilakukan berdasarkan dua kaedah, seperti yang dijelaskan oleh Md Sidin Ahmad Ishak (1999) iaitu melalui kaedah pendalilan rasional dan pendalilan emotif².

a. Pendalilan Rasional

Perbahasan dilakukan berlandaskan hujah dan dalil yang bertujuan untuk mencari kebenaran, mempertahankan hak atau membuat keputusan ke atas sesuatu perkara mengikut situasi sarannya (*mad`u*). *al-Mujadalah* dilakukan dengan harapan agar orang yang diajak berdebat mendapatkan petunjuk Allah dan memerlukan keterangan-keterangan tentang ilmu agama agar terbuka

¹ Ibid, http://www.qtafsir.com/index.php?option=com_content&task=view&id=136 bertarikh 12 Februari 2015

² Md Sidin Ahmad Ishak (1996), *Strategi Penulisan: Panduan Khusus kepada Penulis*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Komunikasi, hal. 28

hatinya dan memperbaiki kefahaman dan amalannya¹. Pemujukan melalui pendalilan rasional juga disebut penghujahan atau *argumentative* iaitu rayuan yang dilakukan oleh penulis secara intelek dan berusaha membuat pembuktian dengan menggunakan logik (*dalil aqli*) dan bukti-bukti (*dalil naqli*).

b. Kaedah al- Mujadalah al-Naqli:

dilakukan melalui fakta-fakta yang sahih dan dipertanggungjawabkan seperti fakta al-Quran dan al-Hadis, fakta sains, fakta dari buku, majalah dan percakapan pakar². Penguasaan menggunakan dalil-dalil naqli akan memudahkan pendakwah membidas atau menyangkal sesuatu perkara atau hujahan. Ini kerana pendalilan naqli menggunakan sumber-sumber yang berautoriti memberi keyakinan kepada khalayak tentang kepakaran pendakwah tersebut. Penyampai beranggapan khalayak mempunyai kebijakan dan bersifat objektif sehingga mampu mengikuti aliran fikiran logikal untuk menimbang bukti-bukti dan tidak mudah dipengaruhi oleh emosi. Pemilihan kaedah ini benar-benar menguji intelek orang yang dibawa berhujah.

Kaedah ini digunakan oleh Nabi Ibrahim a.s. sebagaimana dalam firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 258. Ayat tersebut menjelaskan tentang situasi al-mujadalah antara Nabi Ibrahim a.s. dengan seorang raja yang sombong dan mengaku Tuhan bernama Namrud bin Kan'an. Berdasarkan ayat tersebut, Nabi Ibrahim a.s. telah menggunakan pendalilan Naqli iaitu menggunakan **fakta alam atau sains** untuk mencabar minda seorang raja yang sombong. Nabi Ibrahim a.s. berkata kepada Namrud,

{ قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْتِي بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ }

Pembuktian tersebut tidak dapat disangkal oleh Namrud kerana pemahaman sedia ada dalam pengetahuannya. Menurut Ibn Kathir, Nabi Ibrahim a.s. ingin menjelaskan kepada Raja Namrud bahawa Allah berkuasa kepada semua kejadian alam ini termasuk kejadian manusia serta mengawal

¹ Nor Raudah Hj Siren (2013) *Retorik Penulisan Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 73

² Md Sidin Ahmad Ishak dan Mus Chairil Samani, (1996) *op.cit*, hal. 28

setiap pergerakan alam termasuk pergerakan matahari yang terbit dari timur setiap hari¹.

Selain itu, Nabi Ibrahim a.s. juga menggunakan pendalilan Naqli ini bagi menurunkan keangkuhan seorang raja. Pendalilan Naqli yang digunakan adalah dalam bentuk cabaran kepada Raja Namrud agar melakukan sebaliknya jika dia adalah Tuhan. Menurut Nabi Ibrahim,

{ فَأْتِ بِهَا مِنَ الْمَعْرِبِ }

iaitu cabaran agar Raja Namrud menerbitkan matahari dari arah barat pula, jika dia benar-benar seorang Tuhan sebagaimana yang disangkakan. Cabaran ini menjadikan Raja Namrud tidak dapat menjawab sebagaimana sebelumnya, iaitu dia juga boleh mematikan sebagaimana Tuhan Nabi Ibrahim. Maka jelaslah bahawa sangkaan Raja Namrud memperlihatkan kezalimannya dan Allah tidak akan memberi petunjuk kepadanya,

{ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ }

c. Kaedah al-Mujadalah al-Aqli

Pembuktian al-Aqli dilakukan berdasarkan akal yang boleh diterima oleh khalayak. Pembuktian al-Aqli atau disebut logic atau *logos* dalam bahasa latin dilakukan hasil dari beberapa premis yang menanggapi sesuatu hujahan iaitu sesuatu kenyataan yang mengutamakan kesahihan dalam hujahan. Menurut Wallach, *logos* merujuk kepada pembujukan intelek atau rasional manusia².

Penggunaan al-mujadalah al-Aqli ini turut digunakan oleh Nabi Ibrahim a.s. dalam hujahannya ketika berdialog dengan kaumnya. Beliau menggunakan **kaedah suruhan** yang memaksa kaumnya bertanya kepada berhala besar yang menjadi sembah mereka agar mereka berfikir kembali sebagaimana diceritakan dalam Surah al-Anbiya ayat 62- 67 . Antara suruhan yang dikemukakan ialah,

¹ Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), op.cit, hal. 43

² Wallach, Luitpold (1966) *The Classical Tradition literary and Historica Studies in Honor of Harry Caplan*. Cornel University Press, hal. 32

Suruhan itu disadari oleh kaumnya sebagai tidak masuk akal apabila mereka menjawab dengan jawapan yang memperlihatkan kelemahan mereka sendiri,

Jawapan tersebut memudahkan Nabi Ibrahim a.s. memulangkan kembali pernyataan mereka dengan jawapan jika berhala itu tidak mampu memberi manfaat dan mudarat kenapa mereka masih menyembahnya,

Melalui pendalilan aqli juga, Nabi Ibrahim a.s. menggunakannya untuk memujuk bapanya. Nabi Ibrahim a.s. menggunakan pendekatan **soalan retorik** dalam al-mujadalah yang dilakukan kepada bapanya. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, soalan retorik ialah soalan yang digunakan dalam prosa atau puisi, pidato, bertujuan menarik perhatian pembaca atau pendengar dan bukan untuk mendapatkan jawapan¹. Soalan retorik itu hanya sebagai cara membuka minda orang yang sedang dilawan cakap sebagaimana soalan retorik Nabi Ibrahim a.s. kepada bapanya dalam Surah al-An'aam ayat 74,

{ وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ أَرَزَّرْتَنِجِدُ أَصْنَامًا آلِهَةً إِنِّي أَرَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ }

Soalan ini dikemukakan kepada bapanya kenapa patung yang dipahat sendiri oleh bapanya menjadi sembah bapanya pula? Sedangkan secara logiknya, bapanya yang membuat patung-patung itu pastinya lebih berkuasa. Nabi Ibrahim a.s. bertanya lagi dalam surah Maryam ayat 42,

{ إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا }

Tujuan soalan retorik yang dikemukakan oleh Nabi Ibrahim a.s. tersebut ialah untuk menjelaskan bahawa perbuatan bapanya menyembah berhala adalah sesat, kerana sudah jelas patung-patung itu tidak mampu mendengar, melihat dan berbuat apa-apa.

Melalui analisis yang dilakukan terhadap surah-surah yang berkaitan dengan mujadalah Nabi Ibrahim, tiada **pendalilan berbentuk emotif**. Penggunaan logik akal dengan pembuktian alam sains yang digunakan memperlihatkan Nabi Ibrahim a.s. berusaha mencari pembuktian secara saintifik agar umatnya mengakui ketauhidan Allah SWT seterusnya meninggalkan

¹Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=soalan+retorik> bertarikh 12 Februari 2015

penyembahan terhadap alam dan berhala itu sendiri. Tetapi suasana tegang dapat dirasai dari hujahan demi hujahan yang dikemukakan apabila kaumnya termasuk Raja Namrud sendiri tidak mampu menyangkal pendalilan yang dikemukakan. Suasana tegang tersebut menyebabkan Nabi Ibrahim a.s. dihukum bakar tetapi Allah SWT telah menunjukkan kekuasaan-Nya dengan menyelamatkan Nabi Ibrahim a.s. dari panas api kepada dingin. Peristiwa tersebut membuktikan hanya Allah SWT yang berkuasa mematikan dan menghidupkan, tidak sebagaimana yang didakwa oleh Raja Namrud.

5. KESIMPULAN

Secara umumnya, penggunaan retorik *al-mujadalah* dalam perdebatan atau perbahasan atau perbincangan memerlukan pendakwah yang berilmu pengetahuan yang mantap bukan sahaja dalam ilmu-ilmu Islam bahkan mahir memanipulasi bahasa serta mempunyai pengalaman yang luas agar mampu mengutarakan hujahan yang bernas dan berkaitan agar mampu menyampaikan matlamat dakwah dan dihormati sasarannya. Nabi Ibrahim a.s. sebelum bermujadalah mempersiapkan dahulu dirinya dengan ilmu alam berdasarkan perjalanan rohaninya dalam mengenali kekuasaan Allah SWT. Pengetahuan yang jelas tersebut merupakan hujahan yang paling mantap dan berkesan dalam usaha dakwahnya.

REFERENCES

- Ab Aziz Mohd Zin (2001) *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abd Karim Zaydan (1982) *Usul al-Da'wah*. Baghdad: Dar Umar al-Khattab
- Ibn Kathir, Abu al-Fida Ismail Ibn Kathir (1996) *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaherah: Dar al-Sya'ab
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamaluddin (1968) *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadr.
- Intisari Tafsir Ibnu Kasir dalam *Al-Quran 55 In 1, Masterpiece, Classic Edition* (2010), Jakarta: Lautan Lestari dan New Delhi: Islamic Book service
- L. F. Bower Aly (1973) *A Rhetoric of Public Speaking*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Md Sidin Ahmad Ishak (1996), *Strategi Penulisan: Panduan Khusus kepada Penulis*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Komunikasi.
- Nor Raudah Hj Siren (2013) *Retorik Penulisan Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Plato. (1959). *Gorgias*. (Translated by: E. R.), Oxford: Oxford University Press.
- Tafsir Syeikh Mutawwalli Sya'rawi* jilid 6 , Kaherah: Dar al-Tawfiqiyah li al-Turath, 2009
- Wallach, Luitpold (1966) *The Classical Tradition literary and Historical Studies in Honor of Harry Caplan*. Cornell University Press.
- Walter, J. O. (1980). *Rhetoric, Romance and Technology, Studies in The Interaction of Expression and Culture*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Kamus Wikipedia*, <http://ms.wikipedia.org> bertarikh 12 Februari 2015
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=soalan+retorik> bertarikh 12 Februari 2015.
- Tafsir al-Quran Ibnu Kathir, dalam http://www.qtafsir.com/index.php?option=com_content&task=view&id=136 bertarikh 12 Februari 2015.